

Pelaksanaan projek RMK-9 paling lancar

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan projek dan program dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah yang paling lancar dan terurus berbanding tiga RMK sebelum ini berikutan ketegasan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu manfaatnya sampai kepada rakyat secepat mungkin, kata Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau yang lebih 20 tahun menjadi Menteri Kerjaraya dan melaksanakan tiga RMK, menyifatkan pengkritik cara Perdana Menteri menguruskan RMK-9 sebagai sengaja mahu mencari kesalahan serta tidak tahu prosedur yang perlu dilalui dalam membangunkan sesuatu projek.

"Saya berani kata RMK-9 adalah yang paling cekap pengurusannya. Kita harus berterima kasih kepada Perdana Menteri. RMK-9 adalah projek kepentingan rakyat yang membolehkan berbilion ringgit. Kita tidak boleh terburu-buru.

"Mana boleh hari ini Kementerian Kewangan luluskan peruntukan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) siapkan bangunan dalam 24 jam.

"JKR tidak boleh buat kerja secara membuta tuli semata-mata untuk memenuhi desakan pihak tertentu dan akhirnya dibelenggu masalah. Kesudahannya, rakyat marahkan kerajaan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Pengurusan Trafik (TMC) Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), di sini semalam.

Samy Vellu berkata beliau mem-

BH-3/4/2007
buat penjelasan itu berikutan tindakan pihak tertentu yang mendakwa tiada projek di bawah RMK-9 dimulakan pembinaannya setakat ini atau sudah disiapkan.

Malah, beliau menjelaskan, 613 projek infrastruktur dalam RMK-9 bernilai RM2.11 bilion kini sudah siap, termasuk beberapa projek sambungan RMK-8 manakala 533 projek bernilai RM16.9 bilion sudah dimulakan pembinaannya.

Sehingga 31 Mac ini, tender bagi 762 projek dengan kos RM24.859 bilion dipanggil, membolehkan 206 projek jalan dan jambatan, manakala bakinya projek bangunan. Sebanyak 533 projek kini dalam pembinaan.

Baki tender yang akan dipanggil sehingga akhir tahun ini ialah 915 projek membolehkan nilai RM10.2 bi-

lion. Secara keseluruhan, JKR akan mengeluarkan tender bagi 4,272 projek dengan kos RM44.4 bilion dalam RMK-9.

Samy Vellu berkata, antara projek siap ialah pembinaan jalan baru Proton City Perak Fasa Tiga bernilai RM100 juta Julai lalu, Jalan Kuah-Padang Matsirat ke Lapangan Terbang Langkawi bernilai RM97 juta (siap pada Mac 2007), dan Persimpangan Bertingkat Jalan Duta bernilai RM140 juta (siap pada Februari 2007).

Katanya, selepas RMK-9 diluluskan, peruntukan bagi setiap projek pembangunan perlu mendapat kebenaran Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan sebelum proses memanggil tender boleh dilakukan.